## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

| | |
|---|---|
| **From:** | Northern Corridor Research Centre (NCRC) |
| **Sent:** | 07 Ogos 2016 16:58 |
| **To:** | UUM - All Staff |
| **Subject:** | PENGLIBATAN DAN KOMITMEN YANG TINGGI PENYELIDIK NCRC BANTU CAPAI SASARAN PELAN STRATEGIK NCRC |

Pusat Penyelidikan Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

**AHAD, 7 OGOS 2016| 4 ZULKAEDAH 1437H**

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*

Assalammualaikum dan Salam Sejahtera




**NCRC ONLINE** : NCRC buat julung-julung kalinya mengadakan Majlis Penghargaan dan Anugerah Cemerlang Kualiti NCRC bagi tahun 2015 pada 2 Ogos 2016 di Bilik Mesyuarat NCRC. Majlis ini diadakan khusus bagi meraikan dan menghargai jasa serta sumbangan staf sokongan dan juga staf akademik yang banyak membantu dalam setiap kejayaan NCRC selama ini.

Pada tahun 2015 NCRC telah berjaya mencapai sasaran Pelan Strategik dengan nilai sebanyak RM331,071.60 iaitu bersamaan 106% dari sasaran yang diberikan dalam membantu universiti untuk mendapatkan sumber pembiayaian baharu sebagai sumber alternatif menampung pengurangan geran kerajaan terutamanya dalam membantu pembangunan ekonomi dan sosial di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Menerusi ucapan Pengarah NCRC, Prof. Madya Dr. Rohana Yusof, beliau menyatakan bahawa bagi meraikan kejayaan ini, adalah menjadi harapan NCRC untuk berkongsi bersama kegembiraan ini dengan semua yang terlibat.

Beberapa kategori anugerah turut diberikan kepada penerima iaitu Anugerah Prestasi Cemerlang, Anugerah Program/Projek Berimpak Tinggi, Anugerah Penyelidikan Berimpak Tinggi, Anugerah Keterlibatan Cemerlang Staf Akademik, Anugerah Apresiasi Staf Akademik dan Anugerah Staf Terbaik NCRC bagi tahun 2015 yang diberikan kepada Cik Nur Azyan Rasyiqah Abdul Hamid.

Disamping itu NCRC turut mengadakan jamuan bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri 1437H di ruang pejabat NCRC.

**SENARAI PENERIMA ANUGERAH ADALAH SEPERTI BERIKUT:**




==============================================

**DARIPADA:**
**NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**
**TEL.: 04-928 6559**
**FAKS: 04-928 6561**
**E-MEL: ncrc@uum.edu.my**
**WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my**

ASSOCIATION OF MBAS ACCREDITED ABEST21 AUN-QA A Touch of Quality SETARA 11 GIFA GLOBAL ISLAMIC FINANCE AWARD ACCA CIMA Chartered Institute of Management Accountants The Chartered Institute of Logistics and Transport Power Brand